

BULETIN

STAF RESIDEN KOLEJ



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KELAB STAF RESIDEN KOLEJ, UiTM CAWANGAN TERENGGANU

EDISI MAC2017

9

FOKUS UTAMA



SPOT SRK



SIDANG
REDAKSI



AKTIVITI SRK



KELAB SRK

#MERDEKA
REDANG

MERDEKA DAY



FIREDRILL



BOWLING
TOURNAMENT



WARGA
PRIHATIN



SNAP! SNAP!

SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof Madya Dr Abdul Samad Nawi

Penasihat

En Azahari Abdul Aziz

Ketua Editor,

Susunatur Teks & Grafik

Nur Dalila Adenan

Sidang Editor

Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff

Mohd Fazli Musa

Nor Shida Hussin

Penyunting

Nur Amirah Adenan

Terbitan

Kelab SRK



Spot SIAPA SRK?

Staf Residen Kolej (SRK) merupakan satu jawatan penting di kolej kediaman sesebuah universiti khususnya UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun (UiTMCTKD). SRK yang dilantik, terdiri daripada staf akademik (pensyarah) mahupun pentadbir (Kumpulan A dan B) yang dilantik oleh Pengurusan Universiti di bawah Hal Ehwal Pelajar HEP bagi membantu pengurusan kolej dan non-residen. SRK yang akan tinggal di rumah kediaman SRK bagi kolej-kolej di dalam UiTMCTKD. Justeru, calon-calon SRK yang perlu mengemukakan permohonan dan yang berjaya akan ditemuduga bagi memastikan calon benar-benar dapat hidup bermasyarakat dengan pelajar dan mempunyai minat untuk membimbing serta membangunkan pelajar. Komitmen yang tinggi perlu diberikan oleh SRK untuk menyokong proses pembelajaran.

Kolej Kediaman SRK di UiTMCTKD terdiri daripada Kompleks Tasik dan Komplek Pantai. Kompleks Tasik termasuk Kolej Kapas, Kolej Duyung dan Kolej Perhentian manakala Kompleks Tasik merangkumi Kolej Redang, Kolej Gemia dan Kolej Tenggol. Kesemua nama yang diberi sempena nama-nama pulau di sekitar negeri Terengganu.

Dewasa ini, tugas seorang SRK amat mencabar dan kompleks yang merangkumi tugas selaku penasihat, warden, mentor, ibubapa angkat, penguatkuasa dan lain-lain. Semua program / aktiviti yang dirancang diperingkat kolej adalah di bawah kelolaan dan pengawasan SRK kolej terbabit. Secara automatik, SRK berperanan sebagai Penasihat bagi program anjuran kolej. Selain itu, SRK bertanggungjawab untuk membantu melaporkan kes pelajar sakit di kolej untuk bantuan seterusnya dan mereka juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan bagi mengawal disiplin yang termaktub dalam AKTA 174.

Disamping itu juga, kelab SRK telah ditubuhkan sebagai inisiatif bagi memastikan setiap program anjuran kolej dan isu berbangkit diselesaikan bersama. Ahli Jawatankuasa kelab dilantik berdasarkan kepakaran dan persetujuan mesyuarat.

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Salam 1 UiTM, Salam UiTM Dihatiku

Dalam menyokong aspirasi penulisan di kalangan warga kampus, Buletin SRK UiTMCT ini telah berjaya diterbitkan dengan objektif pengisian untuk memberi maklumat khususnya berkenaan tugas serta peranan Staf Residen Kolej (SRK), carta organisasi dan aktiviti-aktiviti Kelab SRK yang telah dijalankan dan yang bakal diadakan pada 2016/2017. Anjakan keluaran kali ini adalah hasil sumbangan idea dan kerjasama rakan-rakan SRK sebagai satu pendekatan ilmiah kepada warga kampus.

Justeru, sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen secara langsung mahupun tidak dalam penerbitan Buletin Kelab SRK ini. Sidang Redaksi juga mengalu-alukan cadangan atau komen bagi membaiki mutu keluaran buletin edisi seterusnya.

Akhir kalam, sehingga berjumpa lagi di keluaran akan datang. ☺

Nur Dalila

Dari meja Editor



Pn. Nur Dalila Adenan

Kata Aluan Pengerusi SRK

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Salam ukhwah 1 ummah.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas penerbitan **Buletin SRK UiTMCT** pada kali ini. Buletin yang dahulunya dikenali sebagai Buletin PPP berjaya diterbitkan semula dengan usaha dan kerjasama SRK secara keseluruhannya. Jutaan tahniah dan syabas kepada sidang redaksi yang berusaha gigih dan tidak lupa juga kepada semua SRK yang sudi menyumbang artikel bagi merealisasikan penerbitan buletin ini.

Buletin SRK UiTMCT ini berperanan sebagai medan perkongsian info, idea dan ilmu khususnya yang berkaitan dengan kehidupan dan aktiviti di kolej-kolej kediaman UiTMCT. Ia juga menjadi wadah melatih dan menggalakkan SRK sama ada pensyarah mahupun staf pentadbiran untuk menulis dan berkongsi ilmu, idea dan pengalaman mereka. Diharap agar akan ada lebih ramai lagi SRK yang sudi berkongsi artikel untuk penerbitan **Buletin SRK UiTMCT** di masa-masa akan datang. Jom kita kongsi ilmu dan pengalaman. Kita salurkan info melalui buletin ini sebagai panduan, rujukan juga makluman khususnya kepada anak-anak residen di kolej-kolej.

Semoga buletin ini dapat memberi manfaat dan ilmu berguna kepada semua pembaca. Sekian dulu dari saya, InsyaAllah kita jumpa lagi di keluaran **Buletin SRK UiTMCT** akan datang. Wallahua'lam.

Nur Raihana Mohd Sallem
*Pengerusi Kelab SRK
UiTM Cawangan Terengganu*

Perancangan Aktiviti Staf Residen Kolej (SRK) 2017

Januari	Taklimat Kompaun Terus Operasi Barang Elektrik -Kolej Kediaman	Julai	Majlis Hari Raya Santai Ukhwah Tenggol
Februari	Mesyuarat Kelab SRK Operasi	Ogos	Lawatan Penanda Aras SRK-Melaka Merdeka
Mac	MDS Ijazah Mac – Jul 2017 Santai Ukhwah Pn Nazlin Emiza	September	MDS Santai Ukhwah UiTM Kuala Terengganu
April	Solat Hajat Sempena Peperiksaan Diploma Santai Ukhwah Ustaz Rosmat Rabu	Oktober	Santai Ukhwah Pn Nur Dalila Adenan
Mei	Family Day SRK- Pasir Raja Santai Ukhwah Raihana	November	Santai Sukan SRK Santai Ukhwah SRK Kampus Bukit Besi
Jun	Majlis Berbuka Puasa Santai Ukhwah Pn Siti Maryam	Disember	Mesyuarat Kelab SRK

**JAWATANKUASA KELAB STAF RESIDEN KOLEJ (SRK) 2017
UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN**

PENGERUSI

Nur Raihana Mohd Sallem

NAIB PENGERUSI

Khalid Amin Mat

SETIAUSAHA 1

Aileen Farida Mohd Adam

SETIAUSAHA 2

Siti Yuhanis Suhani binti Ibrahim

BENDAHARI

Wan Khairul Ashraf Wan Ab Bakar

AHLI JAWATANKUASA

SUKAN & REKRIASI

Ahmad Sujairi Johari (K)
Nur Amirah Adenan
Azrin Ariffin
Nazri Muhamat

KEBAJIKAN

Siti Maryam Sulaiman (K)
Nurul Dahlya Alias

PERANCANGAN STRATEGIK

Nazlin Emieza Ngah(K)
Mohd Nasrul Mizan Mohd Nasir
Nazihah bt Ngah
Normalina Ibrahim

WAKIL KOLEJ

GEMIA

Mohd Nasrul Mizan Mohd Nasir

TENGGOL

Mohd Ezanie Hussin

REDANG

Mohd Hanafiah Abu Bakar

KAMPUS KUALA TERENGGANU

Nor Shida Hussain

KEROHANIAN

Rosmat Rabu (K)
Mohd Nazrul Sidek
Mohd Ezanie Mat Hussin
Mohd Hanafiah Abu Bakar

OPERASI

Ahmad Aizuddin Azni (K)
Amir Abdul Azim Jamaludin
Armynt Fahmy Mohd Fahmy

PENERBITAN

Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff (K)
Nur Dalila Adenan
Mohd Fazli Musa
Nor Shida Hussin

PERHENTIAN

Nazri Muhamat

KAPAS & DUYUNG

Mohd Nazrul Sidek

NON RESIDENT

Mohd Fazli Musa

KAMPUS BUKIT BESI

Azrin Ariffin

KOLEJ KEDIAMAN PANTAI & NR

SRK KOLEJ DUYUNG



En. Mohd Nazrul bin Sidek
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Elektrik
(018-9066505)



Pn. Nur Amirah Adenan
Penolong Pegawai Sukan (Unit Sukan)
(019 - 9918183)

SRK KOLEJ KAPAS

Pn. Siti Maryam Sulaiman
Penolong Pengurus Asrama,
Unit Pengurusan Kolej & NR (Kolej Redang)
(012-9097521)



Ustaz Rosmat Rabu
Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)
(010-9316873)



SRK KOLEJ PERHENTIAN



Pn. Nazlin Emieza Ngah
Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan
(019-9710898)

En. Armynd Fahmy Mohd Fahmy
Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pentadbiran
(013-2686007)



Insp/PB Nazri Muhamat
Penolong Pegawai Keselamatan, Polis Bantuan
(016-9902816)

Pn. Aileen Farida Mohd Adam
Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa
(016-8542858)



SRK NON-RESIDENT



Cik Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff (ZONE 2)
Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
(012-9840427)

En. Mohd Fazli B. Musa (ZONE 3)
Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
(012-2660174)



Cik Naziha Bt. Ngah (ZONE 1)
Penolong Akauntan, Pejabat Bendahari
(014-5371992)

KOLEJ KEDIAMAN TASIK

SRK KOLEJ REDANG



Pn. Nur Raihana Mohd Sallem
Pensyarah Kanan, Fakulti Perakaunan
(013-6704602)

En. Mohd Hanafiah Abu Bakar
Pensyarah, Fakulti Akademik Pengajian Bahasa
(013-7097586)



En. Wan Khairul Ashraf Wan Ab. Bakar
Penolong Akauntan, Pejabat Bendahari
(014-8398417)

Pn. Nur Dalila Adenan
Pensyarah, Fakulti Pengurusan Perniagaan
(019-9438689)



En. Ahmad Aizuddin Azni
Penolong Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
(017-3908536)

SRK KOLEJ TENGGOL



En. Mohd Ezanie Mat Hussin
Penolong Akauntan Kanan, Pejabat Bendahari
(012-9296208)

Pn. Siti Yuhanis Suhani Ibrahim
Pegawai Hal Ehwal Islam, Akademi Pengajian
Islam Kontemporari (ACIS)
(013-9906 768)



En. Khalid Amin b. Mat
Pensyarah, Fakulti Pengurusan & Perniagaan
(013-2991438)

En. Amir Abdul Azim bin Jamaludin
Penolong Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
(011-32089393)



En. Ahmad Sujairi Johari
Penolong Pensyarah, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
(013-9261156)

SRK KOLEJ GEMIA

Pn. Nurul Dahlya Alias
Jurutera Kanan, Bahagian Pembangunan Fasiliti
(011-39113929)



En. Mohd Nasrul Mizan Mohd Nasir
Penolong Pandaftar Kanan, Bahagian Pentadbiran
(013-9264173)

Kamarul Hayati Mohd Yusoff
Pegawai Eksekutif Kanan, Bahagian HEA Unit Peperiksaan
0112164008/0189470336



#MERDEKA REDANG

Nur Dalila Binti Adenan, Penasihat Program



PENGENALAN PROGRAM



Sambutan Hari Kebangsaan 2016 disambut meriah di seluruh negeri di Malaysia bertemakan 'Sehati Sejiwa'. Tema ini mencerminkan semangat kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini disamping melambangkan perpaduan yang dimiliki oleh semua rakyat tidak kira di mana mereka berada. Justeru, Kolej Redang tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian di dalam program kemerdekaan anjuran UiTM (Terengganu). Program selama sehari iaitu #merdekaRedang ini bertujuan untuk memupuk semangat bersatupadu antara mahasiswa/i khususnya residen Kolej Redang. Sasaran penglibatan adalah daripada seluruh residen Kolej Redang termasuk Staf Residen Kolej (SRK), dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK). Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah seperti berikut:



Senamrobik Patriotik

Rasional senamrobik patriotik ini diadakan adalah untuk membudayakan aktiviti senaman sebagai rutin seharian. Selain itu, program ini diadakan untuk melahirkan generasi mahasiswa/i yang cergas dan sihat. Senaman dengan iringan muzik dilihat dapat menarik minat residen untuk menyertai program yang dapat menyihatkan tubuh badan seperti ini. Justeru, bagi menyemarakkan semangat patriotik, lagu-lagu senamrobik telah dipilih khas seperti Malaysiaku Gemilang, Sehati Sejiwa, Jalur Gemilang, Bahtera Merdeka, Satu Malaysia dan banyak lagi sempena senamrobik ini.



Gotong Royong

Gotong royong adalah suatu acara wajib yang dilakukan secara bersama-sama dan bersifat suka rela untuk memastikan kawasan sekitar kelihatan bersih dan bebas daripada sampah dan ancaman denggi. Aktiviti seumpama ini dilakukan bagi memastikan keadaan sekitar Kolej Redang samada bilik tidur, bilik rehat serta kawasan kolej sentiasa bersih. Semua residen dibahagikan mengikut kawasan yang telah ditentukan oleh penganjur. Sebagai penyeri program, pihak penganjur mengadakan hadiah bagi Bilik Terbersih dan Redang Terbersih.



Save Redang (Treasure Hunt)

Acara sebelah petang diteruskan dengan 'Treasure Hunt' bertemakan Save Redang. Permainan ini melatih semangat berpasukan, dan memberikan sensasi seperti para peserta yang akan mencari kunci (harta karun) yang tersembunyi di Pulau Redang (Kolej Redang) untuk menyelamatkan kepulauan mereka daripada penyamun. Setiap 'check-point' akan diberikan kata kunci serta soalan yang berkisarkan Kolej Redang. Acara ini sedikit sebanyak membantu residen mengenali persekitaran dan pengurusan kolej dengan lebih dekat.

Lukisan Mural Kemerdekaan

Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2016, pihak penganjur berharap dapat mempromosi dan mengukuh lagi adat budaya dan tradisional menerusi hasil seni lukisan mural dengan nilai mesej tersendiri. Menerusi kempen #merdekaRedang ini, diharap dapat menanamkan semangat cinta akan negara terutama bagi generasi muda (residen) seterusnya menjadikan Malaysia lebih istimewa. Justeru, dinding di bilik Mesyuarat Redang 1 dipilih sebagai lokasi bagi lukisan mural ini dengan kelulusan pihak pengurusan kolej. Beberapa orang wakil residen setiap blok dipilih bagi menjayakan misi lukisan mural ini.



Futsal

Antara sukan pilihan untuk diadakan adalah futsal yang memang mendapat sambutan daripada warga residen redang sendiri. Sebanyak 10 pasukan bertanding dan 3 pasukan dipilih sebagai pemenang. Platform sebegini boleh membuka ruang kepada para residen beriadah disamping mengeratkan silaturrahim. Selain itu, penganjur dapat mengenalkan antara mereka yang layak untuk mewakili kampus dalam kejohanan tertentu khususnya mewakili UiTMCTKD.



Penyampaian Hadiah

Majlis penyampaian hadiah diadakan di Kafetaria Redang sebelum tayangan filem bermula. Semua pasukan yang bertanding berpuas hati dengan penganjuran dan bagi menyuntik semangat semua peserta, beberapa hadiah yang berbentuk hamper ditawarkan bagi setiap acara.



Movie Night

Tayangan Filem berunsur Nasionalisme diadakan di Kafetaria Redang sebaik sahaja selesai majlis penyampaian hadiah. Filem "MyWAY" dipilih sebagai tontonan semua residen sempena program #merdekaRedang ini.

Sinopsis:

"Dua pelari marathon saingan mencari impian mereka untuk bersaing di Sukan Olimpik Tokyo pudar selepas Perang Dunia II meletus dan mereka terpaksa berkhidmat untuk negara mereka. Jun-Shik bekerja di sebuah ladang milik datuk Tatsuo ini. Yang bercita-cita Olympian, impian Jun-Shik hari dia akan memenangi emas sebagai seorang pelari maraton. Tetapi Tatsuo juga mahu menjadi pelari Olimpik, dan dia berazam untuk menjadi yang terbaik. Apabila bom mula jatuh dan kedua-dua lelaki digubal ke dalam perkhidmatan, Tatsuo menjadi ketua unit Jun-Shik dan hac pelan bercita-cita tinggi untuk mendapat kelebihan atas musuh-musuh mereka. Malangnya plot beliau gagal, dan kedua-dua lelaki yang ditawan oleh Soviet. Selepas itu melarikan diri tetapi musnah oleh nasib, Tatsuo dan Jun-Shik laluan kemudian silang di pantai Normandy, sama seperti pihak Berikat persiapan untuk melaksanakan Operasi Overlord.."

Secara keseluruhan, penganjuran adalah mencapai objektif yang disasarkan.



Santai Bowling SRK UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

Tanggal 4 November 2016, telah berlangsungnya program “Santai Bowling SRK UiTMCTKD 2016” bertempat di Mesra Mall, Kerteh, Terengganu. Walaupun terdapat beberapa kekangan, Alhamdulillah program ini akhirnya dapat dijalankan atas sokongan dan kerjasama semua. Selain dapat beriadah, program ini juga menjadi medan bagi SRK dan SRKNR membawa keluarga berkumpul bersama-sama, bersuai kenal antara satu sama lain dan mengeratkan siraturrahim. Selain itu, mantan-mantan SRK dan keluarga juga dijemput bagi meraikan jasa mereka. Seramai 47 orang telah sama-sama hadir bagi memeriahkan program ini dan sebanyak 12 pasukan telah berentap bagi merangkul juara.

Kekangan bajet tidak menjadi halangan bagi program ini. Sponsor sebanyak 16 hadiah termasuk hadiah “high score” lelaki dan wanita juga “sporting participant” telah berjaya diperolehi oleh beberapa orang SRK. Bagi memeriahkan lagi program ini, sesi tukar-tukar hadiah telah diadakan. Setiap keluarga diminta membawa hadiah bernilai RM20 ke atas.

Program tentatif adalah seperti berikut:

- 5.00 petang : Berkumpul di NR Lounge dan agihan makanan
- 5.15 petang : Bergerak ke Mesra Mall – Konvoi
- 6.30 petang : Tiba di Mesra Mall dan bersiap untuk solat Magrib
- 7.30 malam : Bersiap untuk bermain dan agihan “door gift”
- 8.00 malam : Mula bermain
- 10.00 malam : Acara tukar-tukar hadiah dan penyampaian hadiah

Tahniah kepada pemenang bagi program Santai Bowling SRK UiTMCTKD 2016:

- | | | |
|------------|---|-----------------|
| Juara | - | Bob & Khalid |
| Naib Juara | - | Asyraf & Yus |
| Ketiga | - | Dalila & Hafies |
| Keempat | - | Raihana & Nizam |
| Kelima | - | Aizuddin & Fifi |

Diharap program riadah seperti ini dapat dijalankan sebagai program tahunan SRK UiTMCTKD dan akan disertakan oleh lebih ramai SRK, SRKNR dan keluarga.

-Nur Raihana Mohd Sallem



FIREDRILL - KOLEJ TENGGOL 2016

Siti Rapidah Omar Ali

Kolej kediaman berperanan penting dalam proses pembentukan diri dan keperibadian mahasiswa di dalam aktiviti pembangunan dan kepimpinan diri. Dalam mencapai objektif untuk mengasah dan memantapkan kemahiran dalam kalangan mahasiswa terutamanya kemahiran dalam menguruskan program-program sendiri, pelbagai aktiviti telah dirangka dan dijalankan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej serta Staf Residen Kolej Tenggol yang perancangannya telah bermula dari awal semester lagi. Bagi tahun 2016, beberapa program telah berjaya dianjurkan antaranya ialah dua program utama iaitu Teori kebakaran serta latihan kebakaran (Firedrill). Menyedari kepentingan persediaan mencegah dan menghadapi kebakaran di dalam kampus terutamanya, pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej Tenggol telah menjalankan program latihan 'firedrill' yang berfokuskan kepada 'evacuation drill' atau pengungsian bangunan dengan kerjasama beberapa pihak termasuk OSCHO UiTM Terengganu, Unit Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Latihan yang telah berlangsung pada 17 Februari 2016 ini melibatkan semua residen Kolej Tenggol A dan B serta termasuk semua Staf Residen Kolej. Program ini dimulakan dengan ceramah mengenai teori

kebakaran serta demonstrasi memadam kebakaran oleh pihak Bomba daerah Dungun. Latihan 'firedrill' bermula pada jam 2:30 pagi dan berakhir lebih kurang jam 4:00 pagi. Program seperti ini perlu terus dijalankan pada masa-masa akan datang untuk memberikan kesedaran berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kepentingan mencegah kebakaran dan tindakan awal yang perlu diambil. Hal ini adalah penting dalam memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan di dalam kampus amnya dan di kolej-kolej kediaman khususnya.

PRELOVED MARKET

Selain dua aktiviti utama kolej di atas, pihak JPK dan SRK Kolej Tenggol juga telah berjaya menganjurkan program 'Preloved Market' pada 18 Ogos 2016 yang bertempat di Dataran Sura, UiTM Terengganu. Hasil kutipan daripada aktiviti jualan amal ini telah disalurkan kepada Street Food Charity untuk disalurkan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan.



Sekitar program Preloved Market



**Sekitar program firedrill*

DARI LENZA SRK



BBQ!!



MEETING..

